



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.41/2018

KESALAHAN MENULARKAN GAMBAR/FOTO DOKUMEN PILIHAN RAYA UMUM (PRU) KE-14

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menasihatkan kepada semua pengundi khususnya kepada mereka yang layak mengundi secara pos sama ada di dalam negara mahupun di luar negara untuk tidak merakam foto/gambar mana-mana dokumen seperti kertas undi, borang atau sampul-sampul berkaitan Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 dan menularkannya melalui media sosial atau apa-apa medium komunikasi.
2. Larangan ini bertujuan bagi memastikan ketelusan **UNDI ADALAH RAHSIA** tetap terpelihara dalam PRU Ke-14. Larangan ini meliputi semua jenis pengundian termasuklah undi pos yang menerima dokumen pilihan raya sebelum pengundian awal atau biasa. Ianya juga bertujuan untuk memelihara keselamatan dan kepentingan awam sepanjang proses pilihan raya berlangsung.
3. Mana-mana individu atau pihak yang didapati melakukan kesalahan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 3, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5), apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya sekali. Individu terbabit juga tidak boleh didaftarkan atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi

dalam mana-mana pilihan raya sehingga tamat tempoh lima (5) tahun dari sabitan itu, dan jika pada tarikh itu dia telahpun dipilih dalam mana-mana pilihan raya, kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu.

4. Sehubungan dengan itu semua pengundi diberi peringatan agar memastikan kerahsiaan undi mereka terpelihara.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

PUTRAJAYA

Tarikh : 3 Mei 2018 / 17 Syaaban 1439H